

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 01 APRIL 2014
SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mengeluarkan kelulusan daripada aspek keperluan piawaian kesihatan kepada Pasar Baru Cabang Tiga, Kuala Terengganu yang akan digunakan pada tahun 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, Pasar Baru Cabang Tiga, Kuala Terengganu mula dibina pada tahun 2010 dan telah siap pada Disember 2013. Pasar ini dijangka akan beroperasi pada tahun ini. Aspek keperluan piawaian kesihatan persekitaran yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah pencahayaan dan pengudaraan sesebuah premis berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.